

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN
HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 26.3.2015

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan analisa keseluruhan keputusan, pencapaian dan prestasi Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bagi tahun 2014 berbanding pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah PMR dan nyatakan apakah langkah Kementerian bagi meningkatkan pencapaian PT3 bagi tahun-tahun yang mendatang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara asasnya, skop Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) masih sama seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) di mana ia berbentuk pentaksiran sumatif iaitu mengukur penguasaan intelek murid secara menyeluruh di peringkat menengah rendah. Namun, beberapa instrumen seperti ujian lisan misalnya diperkukuhkan dalam PT3 untuk memastikan murid bukan sahaja menguasai mata pelajaran terbabit secara bertulis malah secara lisan.

Pelbagai instrumen pentaksiran lain seperti kajian kes/lapangan turut digunakan supaya murid benar-benar menguasai aspek pengetahuan,

kemahiran dan nilai bagi mata pelajaran yang dipelajari. Langkah penambahbaikan yang bakal dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meningkatkan pencapaian PT3 ialah:

1. Penghasilan buku *exemplar* Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi sekolah rendah dan menengah (buku panduan KBAT dalam kurikulum, KBAT dalam kokurikulum, KBAT dalam Bina Upaya guru, dan KBAT dalam Pentaksiran).
2. Memantapkan dokumen Pentadbiran dan Penjaminan Kualiti.
3. Modul latihan pemeriksaan skrip.
4. Latihan guru dalam pembinaan item KBAT.
5. Mewujudkan Jurulatih Utama KBAT.
6. Menjalankan program i-Think di sekolah-sekolah bagi mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid.